

CNS2945

U GB 18-08 00195 BH488

aab

Mahathir-persaingan

PERSAINGAN PENTING DALAM INDUSTRI TELEKOMUNIKASI, KATA PM

ALOR SETAR, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa persaingan yang sihat adalah penting dalam industri telekomunikasi di negara ini agar hasilnya dapat dimanfaatkan oleh rakyat.

"Saingan yang sihat tidak bermakna saingan yang tidak terhad. Industri yang dipenuhi dengan syarikat-syarikat kerdil tidak akan menolong perkembangan yang diperlukan dalam zaman gergasi ini," katanya pada upacara meletakkan batu asas projek Menara Alor Setar, struktur telekomunikasi setinggi 165.5 meter milik Telekom Malaysia Bhd, di sini.

Beliau berkata pihak yang terbabit perlu menentukan halatuju industri itu ke arah suasana atau zaman persaingan sekiranya mahu negara ini maju dan setanding dengan negara-negara perindustrian yang terkemuka.

Katanya, walaupun persaingan boleh mempertingkatkan mutu dan teknologi industri ini, ia hanya boleh dilakukan sekiranya pesaing mempunyai cukup kekuatan kewangan dan tenaga manusia.

"Pembentukan era persaingan bukanlah untuk membunuh atau bermusuhan antara satu dan lain sehingga banyak tenaga dan kedudukan kewangan semua pihak menjadi lemah.

"Persaingan hanya memberi manfaat jika ia menghasilkan kecekapan dan kualiti yang tinggi dan harga yang berpatutan," katanya. -- Laqi

▼18/08/12-15MST

▲

CNS2954

U GB 18-08 00141 BH489

aab

Mahathir-persaingan 2 Alor Setar

Dr Mahathir berkata persaingan juga adalah satu usaha untuk mempermudah urusan, menjurus atau mewujudkan pengkhususan yang akhirnya dapat menangani setiap permasalahan dengan bijak dan sempurna.

"Dengan kata lain, tidak mustahil untuk mewujudkan 'zero problem towards perfection' (tiada masalah langsung ke arah kesempurnaan).

"Hasrat itu tidak mungkin dapat dicapai tanpa pembabitan secara menyeluruh. Oleh itu setiap syarikat hendaklah membuat komitmen bagi menghasilkan pengeluaran terbaik dan mampu mengatasi pesaing-pesaing mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata kemajuan bukanlah sekadar membentuk sebuah negara yang ekonominya tumbuh dengan pesat tetapi lebih daripada itu, dengan ekonomi itu harus bercirikan pembangunan yang menyeluruh.

"Pembangunan yang bercirikan kestabilan serta berjaya meningkatkan mutu kehidupan rakyat adalah matlamat sosial yang penting.

"Inilah landasan wawasan negara yang harus dicapai menjelang tahun 2020," katanya. -- Laqi

▼18/08/12-21MST

▲
CNS2966

U GB 18-08 00120 BH492

aab

Mahathir-persaingan 3 Alor Setar

Perdana Menteri juga berkata keperluan asas pembangunan di kawasan luar bandar perlu dilihat dengan lebih serius bagi memastikan segala kemudahan tidak diabaikan.

Sejajar dengan kemajuan teknologi komunikasi, kemudahan-kemudahan perlu disalurkan ke kawasan luar supaya rakyat dapat menikmati faedah pembangunan yang hampir sama dengan kawasan bandar, katanya.

Beliau menegaskan bahawa semua pihak perlu memahami dasar kerajaan yang mahu memastikan agihan yang saksama kepada semua rakyat, baik di bandar mahupun di luar bandar.

"Segala keuntungan dan manfaat hendaklah dinikmati oleh semua golongan masyarakat di negara ini.

"Walaupun pembekalan perkhidmatan ke kawasan bandar lebih menguntungkan, ini tidak bermakna kawasan luar bandar harus diketepikan," katanya. -- Lagi

▼18/08/12-41MST

▲
U GB 18-08 00224 BH493

aab

Mahathir-persaingan 4 (Akhir) Alor Setar

Dr Mahathir juga menjelaskan bahawa Dasar Telekomunikasi Negara (DTN) adalah untuk memberikan satu laluan yang lebih selesa kepada rakyat, di samping dapat menarik lebih banyak pelaburan ke negara ini.

Katanya, DTN juga dibentuk untuk memastikan penggunaan teknologi tempatan adalah pada tahap maksimum, di samping menentukan teknologi tempatan setanding dengan negara yang lebih maju dalam bidang telekomunikasi.

Beliau berkata sektor telekomunikasi negara perlu bergerak seiringan dengan pertemuan teknologi yang baru dan canggih sekiranya kita mahu melihat negara ini mencapai taraf sebuah negara maju.

Pembangunan rangkaian telekomunikasi akan memberi kesan yang positif daripada segi peranannya sebagai nadi kepada pembangunan negara, katanya, lalu menambah bahawa ia merupakan prasyarat penting bagi negara untuk lebih maju dan berkembang selaras dengan kemajuan di lapangan-lapangan lain.

Pada majlis itu, Perdana Menteri memasukkan teks ucapannya ke dalam satu kapsul waktu, yang turut mengandungi beberapa barang lain seperti pelan menara itu, buku sejarah 250 tahun bandar Alor Setar, fakta sejarah industri telekomunikasi negara dan gambar-gambar majlis itu, yang kemudiannya ditanam dalam tapak menara bernilai RM40 juta itu.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff, Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid dan Pengerusi Eksekutif Telekom Malaysia, Tan Sri Dr Mohamed Rashdan Baba. -- Bernama

MFJ AKD

▼18/08/12-49MST